



"Sudah dua hari saya meletakkan kenderaan di kawasan parkir itu. Namun tidak menyangka kejadian ini boleh berlaku"
Wan Fatimah Wan Long

16-07-2017

METRO AHAD

Norizuan Shamsuddin
Norizuan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Saya tergamam sebaik melihat kereta Honda Jazz milik saya menggelongsor jatuh ke dalam longkang akibat kejadian tanah runtuh," kata pemilik kenderaan, Wan Fatimah Wan Long, 28.

Kejadian disedari penduduk Flat Midah Ria, Cheras, itu, sekitar jam 6 pagi semalam, sejurus tebing longkang bersebelahan kawasan parkir di kediamannya itu runtuh mendadak.

Akibatnya sebuah kenderaan mangsa terjatuh ke dalam longkang manakala sebuah lagi kereta Proton Wira milik rakannya ditemui dalam keadaan 'tergantung' di atas tebing.

Fatimah berkata, kejadian berlaku ketika dia sedang bersiap untuk ke tempat kerja sebelum dimaklumkan rakan berhubung kejadian itu.

Menurutnya, akibat kejadian itu, keretanya mengalami kerosakan pada bahagian bumper belakang dan tepi.

"Malah sebuah lagi kereta model Proton Wira milik rakan saya turut mengalami nasib sama akibat tanah runtuh di kawasan parkir itu.

"Sudah dua hari saya meletakkan kenderaan di kawasan parkir itu. Namun tidak menyangka kejadian ini boleh berlaku.

"Bagaimanapun, saya berterima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan mengeluarkan kereta saya dari runtuhan itu terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Jaba-

■ Hakisan tanah berpunca daripada aliran air bawah tanah berlaku lima meter dari flat penduduk



FOTO: FARIZ ISWADI ISMAIL



KEADAAN dua kenderaan yang terbabit dengan kejadian hakisan tanah di Flat Midah Ria, Cheras.

KEADAAN Proton Wira yang 'tergantung' di atas tebing selepas hakisan berlaku.

FAKTA
Hakisan tanah itu berlaku di Flat Midah Ria

tan Bomba dan Penyelamat serta polis," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Wanita MCA Cheras, Heng Sinn Yee yang meninjau lokasi memak-

lumkan kejadian itu adalah kali kedua berlaku di kawasan itu selepas kejadian pertama berlaku empat tahun lalu.

Katanya, beliau berharap pihak berwajib dapat mengambil tindakan segera bagi menangani masalah ini daripada berulang.

"Pihak terbabit perlu kaji

masalah ini dan tangannya dengan segera supaya kejadian sama tidak berulang.

"Tanah runtuh yang berlaku ini berlaku lima meter dari blok kediaman penduduk," katanya.

Ketua Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur Zamani Ismail berkata,

tujuh anggota bersama satu jentera daripada Balai Bomba dan Penyelamat Tuñ Razak dikerahkan ke lokasi bagi beri bantuan.

"Kejadian dipercayai berlaku akibat aliran air daripada longkang bawah tanah dan pihak bomba turut memohon bantuan daripada DBKL bagi tindakan lanjut," katanya.